

MENENGAH 3 EXP/NA
LATIHAN PEPERIKSAAN 4
KERTAS 2

Tarikh:	Masa: 1 jam 30 minit
---------	----------------------

Bahagian A	Topik	Markah Penuh 30	Markah Yang Diperolehi	Markah Keseluruhan
	Imbuhan	10		
	Peribahasa	10		
	Golongan Kata	10		
Bahagian B	Topik	Markah Penuh 10	Markah Yang Diperolehi	Markah Keseluruhan
	Kefahaman 1 (Objektif)	10		
Bahagian C	Topik	Markah Penuh 30	Markah Yang Diperolehi	Markah Keseluruhan
	Kefahaman 2 (Subjektif)	30		
Bahagian A (30) + Bahagian B (10) + Bahagian C (30)				

PERHATIAN: Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat 'N' atau 'O', ada perbezaan dalam komponen **Bahagian C Kefahaman 2 (Subjektif)**.

Bahagian C Kefahaman 2 (Subjektif)

Peringkat 'N': Markah bagi soalan 23 dan 24 adalah **5 markah** setiap soalan. Soalan 29 dan 30 **tidak** perlu dijawab dan markahnya tidak akan digunakan dalam penilaian bahagian ini.

Peringkat 'O': Markah bagi soalan 23 dan 24 adalah hanya **3 markah** setiap soalan. Soalan 29 dan 30 **perlu** dijawab untuk mendapatkan markah yang penuh dalam bahagian ini.

Index
No.

					-	
--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS3EN/2

SECONDARY 3 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 4

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Suhu lautan mencecah paras rekod pada tahun 2018, menurut satu laporan Agensi Meteorologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam laporan iklim tahunan itu, agensi tersebut memberi (1) amar bahawa pemanasan suhu lautan telah menyebabkan paras air laut untuk meningkat lebih pantas daripada sebelum ini.

Ia berpunca daripada pemanasan global, disebabkan oleh kadar pengeluaran karbon yang (2) puncak pada 2018. Setiausaha Agung PBB Antonia Guterres memberitahu bahawa risiko itu meletakkan lebih ramai orang dalam bahaya akibat (3) jadi bencana iklim.

Menurut para pakar, sekitar 93 peratus haba yang (4) perangkap akibat gas-gas rumah hijau, akan berakhir di laut. Apabila air bertambah, paras air laut akan naik. Sesetengah negara telah mengambil langkah-langkah drastik seperti mengharamkan (5) guna straw dan plastik pakai buang. Namun, kuasanya masih terletak kepada setiap individu untuk mengurangkan pembuangan sisa dan sampah sarap yang boleh membawa kepada kemusnahan bumi.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) biduk lalu kiambang bertaut
- (B) besar kapal, besarlah gelombangnya
- (C) pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar
- (D) melentur buluh biar daripada rebungnya
- (E) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hutan
- (F) seperti labah-labah cinta kepada telurnya
- (G) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (H) pelepah di bawah luruh, pelepah atas jangan gelak
- (I) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri
- (J) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul

Encik Tan dan Puan Sally mempunyai seorang anak, Herry, yang berumur 20 tahun. Mereka bangga mempunyai anak yang bijak menggunakan masanya seperti ____ (6) ____.

Ini hasil didikan mereka berdua sejak Herry kecil lagi kerana mereka percaya bahawa ____ (7) ____.

Namun, dua minggu yang lalu, Herry telah terlibat dalam kemalangan jalan raya sehingga menyebabkan dia kehilangan nyawa. Encik Tan dan Puan Sally amat sukar menerima pemergian satu-satunya anak kesayangan mereka kerana kasih sayang mereka ____ (8) ____.

Amat sukar bagi mereka menerima kenyataan bahawa anak mereka telah meninggal dunia sebelum mereka tetapi lama-kelamaan, mereka sedar bahawa ____ (9) ____.

Saudara-mara mereka juga turut sedih melihat keadaan Encik Tan dan Puan Sally tetapi mereka sedar bahawa penderitaan mereka tidak sama dengan apa yang ditanggung oleh Encik Tan dan Puan Sally. Maklumlah, ____ (10) ____.

Mereka cuma berharap agar Encik Tan dan Puan Sally akan kuat menghadapi dugaan ini.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berjaya	kemelut	murni
dewasa	mencapai	semenjak
keadaan	menentukan	

Pemimpin yang baik tidak boleh bersikap fatalistik terhadap kehidupan. Ketika keadaan menjadi buntu dan masalah semakin bertimbun, seorang pemimpin mesti mempunyai wawasan dan ketabahan untuk membawa para pengikutnya mengatasi ____ (11) ____ yang sedang berlaku. Pada saat-saat seperti itulah keupayaan seorang pemimpin diuji.

Meskipun agama tidak ____ (12) ____ mutu kepimpinan seseorang, kita perlu juga memberi pengiktirafan kepada para pemimpin masa dulu yang memimpin berlandaskan kepercayaan agama. Misalnya bagi pejuang negara India Mahatma Gandhi, pendekatannya yang mati-mati menolak tindakan ganas telah ____ (13) ____ meraih kemerdekaan bagi negara tersebut.

Seseorang pemimpin boleh memiliki semua ciri-ciri ketua yang baik tapi tetap tidak mampu membezakan antara perkara yang bermoral dan tidak. Ambil sebagai contoh Adolf Hitler, walaupun niatnya ____ (14) ____ iaitu ingin membanteras ancaman jenayah dan samseng di negara-negara Eropah dan Barat, tindakannya menghapuskan sesuatu kaum langsung tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan.

Akhir sekali, ujian sebenar yang menentukan sama ada seseorang ialah pemimpin yang baik adalah sama ada pengikutnya bersetuju dan mengikuti arahannya. Walaupun terdapat banyak contoh pemimpin yang baik ____ (15) ____ ini, kita tetap perlu mengingati diri kita tentang nilai-nilai yang menentukan seorang pemimpin yang baik. Seorang ketua yang baik tidak sahaja dihormati kerana sifat dan wawasannya, tetapi juga disukai kerana bersifat amanah, jujur, adil dan saksama.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Tips Menggalak Kesejahteraan di Tempat Kerja


Setiap minggu, kita akan menghabiskan sekurang-kurangnya 40 jam di tempat kerja.

Apa salahnya jikalau kita luangkan sedikit masa untuk menceriakan suasana di pejabat? Ia tidak mengambil lebih seminit pun untuk berbuat demikian!



Berikan Kejutan kepada rakan-rakan yang terlalu asyik bekerja dengan memberikannya secawan air coklat panas.

Ucapkan Terima Kasih kepada rakan-rakan di sekeliling kita. Seronok rasanya jika diri dihargai. Kita akan lebih bersemangat untuk melakukan tugas!



Tekan Butang Lif jika kita terlihat seseorang sedang bergegas ke arahnya. Rakan-rakan kita yang sudah terlambat pasti akan menghargainya.

Buang Sampah di tong sampah. Tempat kerja yang bersih akan mencipta suasana yang lebih nyaman dan boleh mengurangkan rasa tertekan!



Beri Salam Kepada semua kakitangan pejabat tidak kira sama ada mereka ialah pekerja pembersih. Semua orang mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan kesempurnaan operasi di tempat kerja.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Kita dapat memberikan kejutan kepada rakan sekerja dengan _____.
(A) menceriakan suasana di pejabat
(B) bekerja dengan asyik di hadapannya
(C) memberikannya secawan air coklat panas
(D) menghabiskan masa 40 jam di tempat kerja ()
17. Untuk mencipta suasana yang nyaman dan bersih di tempat kerja, kita patut _____.
(A) mengurangkan rasa tertekan
(B) mengucapkan terima kasih kepada rakan
(C) melakukan tugas dengan lebih bersemangat
(D) membuang sampah di tempat yang sewajarnya ()
18. Kita patut memberi salam kepada semua kakitangan tidak mengira pangkat kerana _____.
(A) kita pekerja pembersih
(B) kita juga ingin rasa dihargai oleh semua orang
(C) setiap orang memainkan peranan yang berbeza
(D) setiap orang pasti rasa bersemangat untuk bertugas ()

Petikan 2



INSTITUT BAHASA JEMEELA

Diundi
**"KREATIVITI
TERBAIK"**
dalam
bahan-bahan
pelajaran

Lebih 90%
pelajar lulus
semua ujian
bahasa

Guru-guru
penutur jati
ternama

**HUBUNGI
KAMI:**
+65 9958 2322
atau layari
laman web
www.IBJameela.com

Kami mengendalikan kursus
bahasa-bahasa berikut;

INGGERIS

CINA

JERMAN

PERANCIS

JEPUN

KOREA

SEPANYOL

ITALI

Pusat Bahasa Kami Terletak di;

- Woodlands - Bedok
- Tampines - Jurong

Kursus-Kursus;

Kami menawarkan kursus separuh dan sepenuh masa bagi semua kursus bahasa. Jumlah pelajar untuk setiap kelas dihadkan kepada 6 orang supaya setiap pelajar menerima perhatian yang mencukupi daripada para jurulatih.

Mahu kakitangan anda
mempelajari bahasa
baharu?

Kami juga
menyediakan
pakej-pakej korporat
atas permintaan.

E-mel kami di
korporat@jemeela.edu

Manfaat Mempelajari Bahasa Baharu

- Memudahkan perbualan di luar negara
- Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan
- Pelajari budaya bangsa lain
- Pengalaman yang menyeronokkan
- Raih lebih ramai rakan!

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Keberkesanan Institut Bahasa Jemeela terbukti kerana _____.
- (A) bahan-bahan pelajaran amat kreatif
 - (B) lebih 90% pelajar lulus semua ujian bahasa
 - (C) ia mengendalikan pelbagai jenis kursus bahasa
 - (D) guru-guru yang digajikan ialah penutur jati yang ternama ()
20. Berikut ialah faedah mempelajari bahasa baharu **kecuali** _____.
- (A) meningkatkan jumlah rakan
 - (B) mempelajari tentang budaya berlainan bangsa
 - (C) meningkatkan kemungkinan mendapat pekerjaan
 - (D) mendapat perhatian yang diperlukan daripada jurulatih ()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Saiful bersandar di tepi pintu kereta api. Dia melihat ke kiri dan kanan, tiada tempat duduk. Apakan daya, berdiri sahajalah. Sejenak kemudian, dia terperasan seorang lelaki berdiri bertentangan dengannya. Daripada keterampilannya, dia kelihatan seperti orang biasa di jalanan. Namun setelah memerhatikan dengan lebih teliti, Saiful menyedari bahawa pakaian lelaki itu masih baharu lagi. Jika diteliti kelicinan baju dan seluarnya, amat jelas bahawa pakaiannya baru dirobek keluar daripada bungkusannya. Kasut lari yang dikenakan di kakinya juga amat putih dan bersih. Rambut di belakang tengkuk Saiful mula **bergentel** membuatnya geli-geleman. Firasatnya bagaikan tidak enak. 5

Saiful **mengekori** setiap pergerakan lelaki itu seperti seorang penyiasat di lokasi jenayah. Dia meneliti dan mengkaji lelaki itu dari hujung kaki ke hujung kepala. Setiap inci pergerakan, setiap butiran kecil dia ambil maklum dan ukir dalam mindanya untuk dibuat rujukan. Mata Saiful beralih kepada sebuah beg kasut yang diletakkan di lantai bersebelahan lelaki itu. Pada pandangan Saiful, ia kelihatan besar, pelik dan mencurigakan. 10

"Stesen seterusnya, Taman di Pesisiran," kedengaran pengumuman kereta api. Saiful menyedari bahawa lelaki itu sudah bersiap sedia untuk meninggalkan kereta api. Memang tidak silap, dia telah meninggalkan beg kasut di dalam kereta api. Saiful terfikir sejenak, jika benar kata nalurinya, lelaki itu mungkin seorang penganas! 15

Dengan serta-merta, Saiful pun teriak, "Berhenti di situ!" Dengan tindak balas sepantas kilat pula, Saiful menggenggam lengan lelaki tersebut. "Kamu tidak akan dapat melarikan diri!"

Kanak-kanak yang bergurauan, orang dewasa yang bermain dengan telefon bijak semuanya terkejut. Mereka semua berhenti melakukan perkara masing-masing di saat mendengar teriakan Saiful. Saiful terus menggenggam lelaki itu dengan erat. 20

"Apa yang kamu buat? Lepaskan aku!" laung lelaki itu dalam kesakitan. Pegawai kereta api segera bergegas berdiri di samping Saiful. Mereka telah dilatih untuk sentiasa bersedia bertindak jika berlaku sesuatu yang luar biasa. Saiful tidak membuang masa untuk menerangkan apa yang berlaku. 25

"Apa masalahnya? Semata-mata sebab saya lupa beg saya!" balas lelaki itu terhadap tuduhan Saiful.

Para pegawai keselamatan kereta api berkenaan segera menguruskan pertikaian tersebut. Mereka mengarahkan lelaki itu membuka zip beg yang disyaki itu. Perasaan terkejut menyelubungi hati Saiful. Dia menjangkakan lelaki itu akan cuba meloloskan diri tetapi sebaliknya, dia membuka beg tersebut, mendedahkan segumpal pakaian serta kasut yang berpeluh hangit hasil daripada sesi gim pagi tadi. Pada ketika itu, perasaan malu yang teramat menyelubungi Saiful. Ternyata, dia telah menggembar-gemburkan sesuatu perkara yang kecil. Pasti orang di sekelilingnya mentertawakannya. Serba salah, Saiful dengan pantas **mengulumkan** kata-kata maaf kerana telah menyusahkan lelaki itu. 30 35

"Mat, kamu sebaliknya harus bangga dengan diri kamu!" kata salah seorang pegawai SMRT

yang berada di situ. "Inilah semangat yang kita mahukan dalam diri semua rakyat Singapura; untuk sentiasa waspada dan bersedia untuk sebarang kemungkinan berlaku tindakan pengganasan. Kamu telah melakukan sesuatu yang betul hari ini. Syabas!"

Mendengar kalimat pegawai keselamatan tersebut, orang ramai yang berada dalam kereta api memberikan tepukan yang gemuruh buat Saiful. Muka Saiful menjadi merah mendengar pujian yang **diajukan** kepadanya. Dia hanya bersyukur nalurinya ternyata salah dan lelaki itu bukan seorang pengganas sama sekali. 40

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Bahasa memainkan peranan penting dalam kehidupan. Ia adalah ciri-ciri unik yang membolehkan kita berkomunikasi, lantas (1) beza kita daripada makhluk-makhluk yang lain. Bahasa bagaimanapun bukan sahaja sekadar untuk berinteraksi. Malah, bahasa dan budaya tidak dapat (2) pisah.

Sungguhpun begitu, terdapat pihak-pihak yang masih membahaskan sama ada sesuatu bahasa boleh mempengaruhi proses (3) fikir seseorang atau sebaliknya, kita tidak dapat menafikan bahawa bahasa dan budaya berkait rapat antara satu sama lain.

Salah seorang pakar linguistik terkenal Noam Chomsky menegaskan bahawa semua bahasa merupakan dialek satu bahasa iaitu bahasa manusia. Walaupun pada zahirnya ia (4) dengar berbeza, ia sebenarnya sama sahaja. Walau bagaimanapun, setiap budaya (5) punya gayanya tersendiri dari segi cara penggunaannya. Oleh itu, kita harus berusaha sedaya upaya untuk melestarikan bahasa demi mempertahankan bangsa.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) biduk lalu kiambang bertaut
- (B) baik membawa resmi ayam betina
- (C) besar kapal, besarlah gelombangnya
- (D) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hutan
- (E) air yang dingin juga dapat memadamkan api
- (F) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (G) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri
- (H) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (I) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Dalam hidup ini, kita tidak dapat mengelak daripada orang yang mempunyai hasad dengki. Mereka akan sengaja menghasut kita dan membuat kita bertelingkah dengan orang yang terdekat dengan kita. Ada orang kelihatan baik di depan mata tetapi sebaliknya mempunyai muslihat bak pepatah ____ (6) ____.

Namun, kita harus mengingatkan diri kita bahawa ____ (7) ____ . Kita tidak harus terlalu terjejas dengan perselisihan antara saudara-mara kerana akhirnya, kita akan berbaik-baik semula dengan mereka. Malah, kita tidak patut mengendahkan hujah-hujah oleh penghasut kerana mereka sendiri akan penat dan beredar ke sasaran lain. Maka itu, pertikaian yang kita hadapi juga akan terhurai. Kalau boleh, kita harus rajin dan bijak mengambil inisiatif mencari jalan penyelesaian terlebih dahulu daripada menunggu ia dihuraikan sendiri bak pepatah ____ (8) ____.

Untuk mengelakkan perselisihan antara keluarga, kita harus bijak membahagi-bahagikan tugas dengan adil bak pepatah ____ (9) ____ . Jika itu dilakukan, ahli keluarga kita pasti tidak akan mudah tersinggung. Kadangkala, kita mula rasa jemu dengan keluarga yang asyik merajuk tidak mengira masa. Apabila itu terjadi, kita mula merasakan bahawa hidup di negara lain pasti lebih baik daripada negara sendiri. Namun, sudah tentu kita tidak akan selesa berada di negara lain tanpa keluarga. Akhirnya, kita pasti pulang ke pangkuan keluarga di tanah air kita. Maklumlah, ____ (10) ____ . Yang pasti, hidup berkeluarga pasti ada kebaikan dan keburukan. Kita harus bersabar dan bertolak ansur agar hidup kita lebih harmoni.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Apakah kejadian yang menyebabkan Saiful benar-benar pasti bahawa lelaki tersebut ialah seorang penganas? (3 markah)

22. Bagaimanakah reaksi para penumpang lain apabila Saiful menjerit kepada lelaki tersebut? (3 markah)

23. Bagaimanakah para pegawai kereta api berupaya tiba di samping Saiful secepat mungkin? (3 atau 5 markah*)

24. Mengapakah Saiful amat terperanjat setelah lelaki itu bersetuju untuk membuka zip beg kasut itu? (3 atau 5 markah*)

25. Syak wasangka yang timbul dalam minda Saiful terhadap lelaki tersebut berpunca daripada keterampilannya. Berikan dua bukti. (5 markah)

26. Perasaan malu yang dirasakan oleh Saiful akhirnya sia-sia. Jelaskan pernyataan ini dengan memberikan dua bukti. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. bergentel (baris 7) (2 markah)

28. mengekori (baris 9) (2 markah)

29. mengulumkan* (baris 34) (2 markah / tidak perlu jawab*)

30. diajukan* (baris 42) (2 markah / tidak perlu jawab*)

SELESAI